31

# PERANAN DATO' LEMBAGA DI DALAM MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH REMBAU

ABU HURAIRAH BIN OTHMAN

KAJIAN INI ADALAH UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH ( HSM 412 : DOKUMEN - DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA ) BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA SASTERA

ARKIB
rb
fAC895
M22H959

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
SIDANG 1988 / 89

PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PULAU PINANG.

| | |
|---|---|
| KURSUS:- | HSM. 412: DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA. |
| TAJUK:- | PERANAN DATO' LEMBAGA DI DALAM MASYARAKAT MELAYU DI DAERAH REMBAU. |
| PELAJAR:- | ABU HURAIRAH BIN OTHMAN. |
| NO. MATRIK:- | 20818. |
| TAHUN:- | 4 (AKHIR). |
| PENSYARAH:- | DR. CHEAH BOON KHENG. |

UNTUK ISTERI TERSAYANG
(DIAN DI DALAM HIDUP KU)

DAN UNTUK ANAK TERSAYANG
(PAPA DAN MAMA MENANTIKAN
KELAHIRAN MU).

PRAKATA:-

Syukur ke hadrat Allah Subhanwataala, dengan izin Nya jua, tugasan ini dapat disiapkan. Terima kasih juga kepada Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang telah sudi memberikan kerjasama dan tunjuk ajar demi untuk menyiapkan tugasan ini.

Terima kasih juga kepada Dato' Sutan Bendahari Haji Md. Sharif dan Dato' Perba Abd. Aziz kerana telah memberikan kerjasamanya di dalam menerangkan hal ehwal berkenaan dengan Adat Perpatih khasnya di daerah Rembau, Negeri Sembilan.

Dan kepada mereka yang tidak tersebut namanya di sini, tidak ketinggalan juga diucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan.

Juga terima kasih kepada seorang sahabat yang membantu dengan jujur dan ikhlas. Semuga Allah jua memberi pembalasan. Juga dengan harapan agar ada pihak-pihak yang tertentu meneruskan usaha ini dengan lebih mendalam.

6 Mac, 1989.

ISI KANDUNGAN: MUKA SURAT:


| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Penghargaan | | 1 |
| 2. | Bab I: | Pengenalan | 1 |
| 3. | Bab II: | Sejarah Rengkas Daerah Rembau | 3 |
| | | a) Pembukaan. | |
| | | b) Corak Hidup Masyarakat Sebelum Merdeka. | 6 |
| | | c) Sosio Budaya. | 9 |
| | | d) Pentadbiran. | 12 |
| 4. | Bab III: | Pengertian Dato' Lembaga Dan Asal-Usul. | 17 |
| | | a) Cara Perlantikan Dato' Lembaga. | 20 |
| 5. | Bab IV: | Peranan Dato' Lembaga Dalam Masyarakat Melayu Di Rembau. | 26 |
| 6. | Bab V: | Kesimpulan. | 38 |
| 7. | Lampiran I: | Salinan - Negeri Sembilan Government Gazette Bertarikh 19 Ogos, 1898 No. 212. | |
| 8. | Lampiran II: | Senarai Tokoh-Tokoh Yang Ditemubual. | |
| 9. | Lampiran III: | Senarai Gelaran Dato' Lembaga Di Dalam Pentadbiran Daerah Rembau. | |

## BAB I:- Pengenalan:

Tajuk yang akan dibicarakan ialah Peranan Dato' Lembaga di dalam masyarakat Melayu daerah Rembau sebelum merdeka. Kajian ini adalah secara umum dan penekanan hanya dibuat untuk daerah Rembau. Daerah Rembau dipilih kerana amalan "Adat Perpatih" masih diamalkan hingga ke hari ini dan Dato' Lembaga masih lagi berfungsi. Walaupun tumpuan kepada daerah Rembau, jelas tugas-tugas dan fungsi Dato' Lembaga ini tidaklah banyak berubah jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain di Negeri Sembilan yang keseluruhannya mengamalkan Adat Perpatih.

Jangkamasa yang dipilih pula ialah sebelum merdeka. Ini adalah kerana tugas dan peranan Dato' Lembaga begitu penting di dalam masyarakat. Iaitu meliputi bidang politik, ekonomi dan sosial. Keadaan ini mula mengalami perubahan dengan campurtangan Inggeris di dalam pentadbiran di daerah Rembau. Perubahan ini mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Hinggakan selepas merdeka tugas dan peranan Dato' Lembaga hanya penting di dalam hal ehwal pentadbiran adat. Tugas dan peranan Dato' Lembaga di dalam pentadbiran dan ekonomi telah diambil alih oleh institusi-institusi lain. Sehingga ada yang menganggap Dato' Lembaga ini tidak sepenting seperti sebelum merdeka.

Maka pemilihan tajuk ini adalah kerana beberapa sebab. Antaranya belum ada satu kajian khusus tentang tugas dan peranan Dato' Lembaga ini. Tambahan pula institusi Dato' Lembaga ini adalah penting di dalam masyarakat Melayu di daerah Rembau. Oleh itu dengan terhasilnya tulisan ini dapatlah kita gambaran yang sebenarnya tugas dan peranan Dato' Lembaga itu. Ini dapat memberi pengetahuan kepada mereka yang belum mengenali institusi Dato' Lembaga di dalam masyarakat "Adat Perpatih" amnya.

Tumpuan akan diberikan terhadap bidang politik, ekonomi dan sosial. Begitu juga dengan peranan Dato' Lembaga keseluruhannya seperti di dalam perlantikan Dato' Undang di daerah Rembau. Di akhir tulisan, perbandingan rengkas akan dibuat antara tugas dan peranan Dato' Lembaga sebelum merdeka dengan selepas merdeka.

Tulisan ini jauh daripada lengkap memandangkan kekurangan bahan-bahan rujukan. Maka sumber-sumber lisan adalah diambil kira. Terutamanya dari penduduk daerah Rembau sendiri. Apa yang diharapkan selepas ini ada pihak-pihak tertentu yang mengkaji akan tugas dan peranan Dato' Lembaga ini dengan lebih mendalam.